

07/11/1998

Petunjuk ekonomi lebih baik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tindakan kerajaan mengembalikan kuasa menentukan nilai mata wang dan pasaran saham setakat ini menunjukkan bukti kejayaan dan banyak petunjuk ekonomi menjadi lebih baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil melahirkan keyakinan bahawa asas untuk pemulihan ekonomi sudahpun ada dan kukuh, Perdana Menteri berkata, apa yang diperlukan sekarang ialah penyertaan rakyat selaku pengguna, bagi menjayakan strategi pemulihan kerajaan itu.

Pada masa yang sama, katanya, persatuan pengguna perlu memainkan fungsi penting dengan menyebarkan maklumat dan pengetahuan mengenai apa yang boleh mereka lakukan untuk mengatasi kegawatan ekonomi.

"Hari ini ternampak tanda-tanda ekonomi akan pulih, namun kita sebagai pengguna tidak boleh lepas tangan atau relaks. Kita belum selamat, tersilap sedikit maka kita akan diserang dengan kegawatan yang mungkin lebih besar dan lebih sukar diatasi," katanya.

Dr Mahathir berucap merasmikan Hari Pengguna Sedunia 1998 Peringkat Kebangsaan bertemakan Bijak Berbelanja Untuk Negara, di Dewan Muktamar Pusat Islam, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan berjaya menyekat pedagang mata wang daripada menaik turun nilai ringgit sesuka hati mereka serta mengembalikan pasaran saham ke negara ini supaya lebih teratur dan telus.

"Menerusi dua pendekatan ini, kita menjadi lebih bebas untuk bertindak memulihkan ekonomi negara. Kita juga dapat menurunkan faedah pinjaman, menambah mudah tunai dan memudahkan proses pinjaman," katanya.

Beliau berkata, apa yang ditentukan oleh kerajaan, boleh dilakukan di negara ini kerana rakyatnya tertib. Mereka berbeza dengan rakyat negara lain yang bertindak tanpa memahami masalah dan secara membuta-tuli.

"Mereka merusuh, mogok dan membuat tuntutan yang tidak mungkin dilayan apabila berhadapan dengan masalah. Akhirnya, bukan saja pendapatan mereka tidak bertambah tetapi pendapatan yang ada pun hilang dan kegawatan serta kos sara hidup meningkat," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, apabila kerajaan mendesak supaya pengguna berbelanja secara bijak, ia tidak bermakna rakyat kurangkan belanja.

"Kita perlu berbelanja untuk membeli khidmat dan barangan tempatan dan kita kurang membeli barangan import. Jika kita ingin menabung, tabunglah dalam bank simpanan, Tabung Haji atau Bank Islam.

"Tetapi jangan menyimpan duit dalam peti di rumah kerana wang itu tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada ekonomi kita. Wang yang disimpan di rumah tetap akan hilang nilainya kerana inflasi mengurangkan kuasa beli," katanya.

Menurutnya, pengguna perlu memastikan kestabilan negara tidak tergugat, menentukan mereka tidak memburukkan lagi keadaan dan mengambil bahagian dalam segala kegiatan yang boleh memulihkan keadaan ekonomi.

"Jika kita semua faham sebab kita menghadapi masalah, kita akan faham tanggungjawab kita, kita akan tunaikan tanggungjawab kita dan dengan itu, Insyallah, ekonomi negara kita akan pulih semula," katanya.

(END)

